

MEKANISME DIPLOMASI ISLAM DALAM NARATIF *TUN TUAH*

(Mechanisme of Islamic Diplomacy in the Tun Tuah Narrative)

Mohd Haniff Mohammad Yusoff¹
mohdhaniff@uum.edu.my

Muhammad Hafeez Zakaria²
hafeez.zakaria@upm.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah, Malaysia.¹

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang,
Selangor, Malaysia.²

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohd Haniff Mohammad Yusoff, & Muhammad Hafeez Zakaria. (2026). Mekanisme diplomasi Islam dalam naratif *Tun Tuah*. *Malay Literature*, 39(1), 37–60 [https://doi.org/10.37052/ml39\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/ml39(1)no2)

Received: Peroleh:	23/4/2026	Revised: Semakan:	22/6/2026	Accepted: Terima:	29/6/2026	Published online: Terbit dalam talian:	30/6/2026
-----------------------	-----------	----------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstrak

Secara umumnya, novel sejarah mengambil inspirasi daripada pelbagai sumber dokumen atau bahan sejarah sebagai idea penggaluran penceritaan. Namun, bagi makalah ini, fokus diberikan kepada novel berunsur sejarah yang memanfaatkan peristiwa daripada naskhah tradisional terpilih. Naskhah-naskhah ini secara khusus menyoroti hubungan diplomatik dan ekonomi antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kuasa luar sebagai teras naratifnya. Hubungan antara negara dengan negara merupakan kebijaksanaan peradaban masyarakat terdahulu sebagai strategi untuk meluaskan persefahaman, mengukuhkan kedudukan dengan memperoleh perlindungan daripada kuasa besar dan saling menghormati antara satu sama lain biarpun berlainan anutan agama dan budaya. Sesungguhnya, diplomasi juga dilihat sebagai sebuah seni

bagi mewujudkan dan memperkuat perhubungan antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Hubungan diplomasi antara kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dengan negara China antara yang paling menyerlah dikisahkan dalam novel berunsur sejarah *Tun Tuah* karya Affifudin Omar. Makalah ini merungkai hubungan diplomasi yang terjalin antara kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan-kerajaan lain yang diketengahkan oleh pengarang dalam novel *Tun Tuah*. Novel *Tun Tuah* dibaca dengan teliti bagi memahami isi kandungan cerita yang ingin disampaikan, seterusnya mengenal pasti hubungan diplomasi antara kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan-kerajaan lain yang terkandung dalam novel *Tun Tuah*. Teori Diplomasi Islam yang dikemukakan Wang Yong Bao (Ahmed Musa) menunjangi analisis kandungan yang dijalankan, namun penelitian ini hanya menjurus kepada tiga daripada enam prinsip sahaja, iaitu Islam sebagai agama universal, *tasamuh* (toleransi) dan hubungan damai. Hasil penelitian yang dilaksanakan, pengarang menyerlahkan hubungan diplomasi yang wujud dan berketepatan seperti yang dianjurkan dalam Teori Diplomasi Islam. Tuntasnya, pengarang secara tidak langsung menetengahkan ketamadunan bangsa dalam karya fiksiyen melalui hubungan diplomasi yang ditonjolkan.

Kata kunci: Novel sejarah, diplomasi, teori diplomasi Islam, agama universal, toleransi, hubungan damai

Abstract

Generally, historical novels draw inspiration from various documentary sources or historical materials to shape their narrative plots. However, this paper focuses specifically on historical-themed novels that utilize events derived from selected traditional manuscripts.. These manuscripts highlight the relationship between the Malay Sultanate of Melaka and other states in ensuring power, security, and economic interests between nations. Inter-state relations reflect the wisdom of past civilizations as a strategy to broaden mutual understanding, strengthen political standing by securing protection from great powers, and foster mutual respect despite differences in religion and culture. Indeed, diplomacy is also regarded as an art in establishing and consolidating relations between nations. One of the most prominent accounts of diplomacy is the relationship between the Melaka Sultanate and China, as narrated in the historical novel Tun Tuah by Affifudin Omar. This paper seeks to examine the diplomatic ties between the Melaka Sultanate and other kingdoms as portrayed by the author in the novel Tun Tuah. A close reading of the novel was undertaken to understand the storyline and to identify the diplomatic relations highlighted between the Melaka Sultanate and other kingdoms. The analysis is guided by the Theory of Islamic Diplomacy as proposed by Wang Yong Bao (Ahmed Musa), however, this study only focuses on three out of the six principles, namely Islam as a universal religion, tolerance (tasamuh), and peaceful relations. The findings reveal that the author underscores diplomatic relations that

are consistent with the principles advocated in the Theory of Islamic Diplomacy. Ultimately, the author indirectly foregrounds the sophistication of civilization through the depiction of diplomacy in this work of fiction.

Keywords: Historical novel, diplomacy, theory of Islamic Diplomacy, universal religion, tolerance, and peaceful relations

PENGENALAN

Diplomasi merupakan satu bentuk interaksi antara negara yang memainkan peranan penting bagi memastikan kelangsungan sesebuah kerajaan sejak zaman pramoden sehingga era kontemporari. Diplomasi bukan sekadar suatu mekanisme hubungan luar antara kerajaan, tetapi juga menjadi cerminan kepada kedudukan sesebuah kerajaan dalam percaturan politik, ekonomi dan budaya antarabangsa (Salmah Jan Noor Muhammad, 2017). Dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka, diplomasi bukan sahaja menjadi instrumen politik, tetapi turut berfungsi sebagai asas pembentukan hubungan antarabangsa yang berteraskan nilai, etika dan agama. Keakraban hubungan antara Melaka dan China khususnya, berterusan sehingga era Dinasti Tang, yang dikenali sebagai kerajaan paling berjaya kerana pemerintahnya membuka ruang interaksi dengan dunia asing serta menyerap pelbagai pengaruh luar untuk memperkaya Tamadun China (Mohd Khalil Yaakob & Syaimak Ismail, 2017). Hal ini penting kerana kerajaan Melayu-Islam seperti Melaka tidak berdiri dalam kekosongan sejarah, sebaliknya menjadi pusat tumpuan antarabangsa yang strategik dari segi geografi, ekonomi, dan peradaban. Melaka yang terletak di Selat Melaka menjadi pusat perdagangan utama antara Timur dan Barat, justeru diplomasi merupakan strategi teras untuk mengekalkan kestabilan politik serta memperkukuh kedudukan sebagai empayar maritim yang berdaulat.

Melalui catatan sejarah dan teks sastera tradisional seperti *Hikayat Hang Tuah*, kita dapat menelusuri peranan diplomasi yang memperlihatkan hubungan Melaka dengan kuasa-kuasa besar dunia pada zamannya. Teks sastera tradisional tidak hanya menjadi medium kesusasteraan, tetapi turut berfungsi sebagai dokumen sejarah yang menggambarkan nilai diplomasi dan kebijaksanaan politik pemerintah Melaka. Selain itu, teks sastera tradisional memainkan peranan yang signifikan bagi mengemukakan idea terhadap pembinaan naratif novel berunsur sejarah (Mohd Haniff Mohammad Yusoff et al., 2020).

Hubungan antara Melaka dengan China misalnya, membuktikan keupayaan Sultan Melaka menggunakan diplomasi sebagai instrumen untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa, perlindungan politik,

serta sokongan ekonomi. Jika ditelusuri dalam *Sejarah Melayu*, Maharaja Ming mengambil inisiatif yang paling awal dengan mengirim utusan bagi menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Melaka di samping bertujuan untuk mengeratkan hubungan persahabatan (Mohd Khalil Yaakob & Syaimak Ismail, 2017). Hubungan yang akrab ini telah membawa kepada pengiktirafan Sultan Melaka sebagai pemerintah yang sah, sekali gus memberikan legitimasi antarabangsa kepada kerajaan tersebut. Pengiktirafan ini amat penting kerana Melaka terdedah kepada ancaman daripada kuasa-kuasa serantau seperti Siam dan Majapahit.

Selain China, hubungan diplomasi Melaka dengan Majapahit di Jawa turut memainkan peranan besar bagi membina keseimbangan kuasa di rantau Nusantara. Majapahit merupakan sebuah kuasa yang besar yang telah menguasai wilayah-wilayah Sriwijaya di Selatan Sumatra (Mohd Fauzi Yaacob, 2009). Majapahit sebagai kuasa besar sebelumnya sering mendominasi wilayah kepulauan, bahkan hubungan awal antara Melaka dengan Majapahit memperlihatkan persaingan politik serta peperangan. Hubungan Melaka dan Majapahit sebenarnya banyak memperlihatkan ketokohan Hang Tuah sebagai seorang hulubalang Melaka (Lokman Abdul Samad, 2001). Namun begitu, melalui pendekatan diplomasi, hubungan yang awalnya tegang dapat dilunakkan dan diubah kepada bentuk yang lebih harmoni. Utusan Melaka yang dihantar ke Majapahit, seperti yang digambarkan dalam *Hikayat Hang Tuah*, mencerminkan kebijaksanaan orang Melayu mengurus hubungan antarabangsa melalui kesantunan bahasa, kebijaksanaan berunding, serta penguasaan adab perhubungan yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa diplomasi dalam tradisi Melayu-Islam bukan sekadar soal kepentingan politik semata-mata, tetapi juga menyentuh aspek kebudayaan, maruah dan identiti bangsa.

Dalam konteks yang lebih luas, hubungan diplomasi Melaka turut menjangkau ke dunia Islam seperti Parsi, Arab dan India. Selain menjadi nadi perdagangan antarabangsa, Melaka memainkan peranan penting sebagai pusat penyebaran agama Islam dan perkembangan ilmu di Alam Melayu. Kehadiran para pedagang bersama ulama turut mengangkat martabat Melaka sebagai pusat tamadun yang unggul (Siti Nurul Izza Hashim et al., 2021). Pedagang Arab dan India yang berdagang di Melaka bukan sekadar membawa barang dagangan, tetapi juga membawa ilmu, budaya serta nilai-nilai Islam yang kemudian berkembang dalam masyarakat tempatan. Diplomasi dalam bentuk ini memperlihatkan peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam yang terpenting di Alam Melayu. Hasil daripada kejayaan

hubungan diplomatik Melayu ini telah membawa kerajaan Melayu menapak dan terus maju ke hadapan (Salmah Jan Noor Muhammad, 2018a).

Aspek yang wajar diberikan perhatian dalam diplomasi Melaka ialah penghayatan nilai Islam sebagai landasan utama dalam segala bentuk interaksi. Diplomasi Melaka berbeza dengan konsep realpolitik Barat yang lebih menekankan kepentingan kuasa semata-mata. Sebaliknya, diplomasi Melaka berpaksikan pada prinsip keadilan, kesantunan, hormat-menghormati, dan keikhlasan yang berteraskan ajaran Islam. Perihal inilah yang membezakan tradisi diplomasi Melayu-Islam dengan kuasa-kuasa lain dan memberikan daya tahan yang kuat kepada kerajaan tersebut bagi menghadapi cabaran geopolitik serantau.

Dalam kesusasteraan moden, novel sejarah telah kukuh sebagai satu genre yang memanifestasikan dialog antara naratif kreatif dengan realiti sejarah. Secara umumnya, novel sejarah tidak sekadar terikat dengan penceritaan semula peristiwa yang tercatat dalam naskhah-naskhah tradisional atau dokumen arkib rasmi semata-mata. Sebaliknya, genre ini bersifat lebih anjal; merangkumi pengolahan kisah-kisah yang bersumberkan tradisi lisan, mitos, mahupun cerita rakyat yang diangkat dalam kerangka naratif kontemporari. Keanjalian ini memberikan ruang kepada pengarang untuk memperkukuh wacana sejarah melalui kaca mata baharu, sekali gus mendepani tuntutan pembaca sezaman.

Siti Hawa Salleh (2009) mentakrifkan novel sejarah mempunyai jalan cerita yang lebih panjang hasil tokok tambah daripada penulis berbanding dengan cerita asal. Baldick (1990:166) pula menjelaskan novel sejarah seperti yang berikut:

“A novel in which the action takes place during a specific historical period well before the time of writing (often one or two generations before, sometimes several centuries), and in which some attempt is made to depict accurately the customs and mentality of the period. The central character-real or imagined-is usually subject to divided loyalties within a larger historic conflict of which readers know the outcomes.”

Walaupun menggunakan peristiwa sejarah, watak-watak sejarah serta latar masa dalam peristiwa lampau, novel sejarah bukanlah medium penyampaian peristiwa yang telah berlalu semata-mata. Hal ini diperakukan Lukacs (1965:42) ketika mengemukakan konsep novel sejarah itu sendiri;

“What matters therefore in the historical novel is not the re-telling of great historical events, but the poetic awakening of the people who figured

in those events, what matters is that we should re-experience the social and human motives which led men to think; feel and act as they did in historical reality.”

Secara jelasnya, novel sejarah bukan sekadar mengisahkan peristiwa sejarah, tetapi memberikan mesej kepada pembaca untuk mempelajari atau mencontohi perilaku watak-watak hebat sejarah yang ditonjolkan semula dalam novel sejarah. Novel sejarah ialah karya fiksi yang mempunyai unsur-unsur sejarah dengan mengemukakan latar, peristiwa dan watak-watak yang pernah wujud dalam sejarah.

Penelitian ini memfokuskan prinsip-prinsip utama dalam Teori Diplomasī Islam oleh Wang Yong Bao yang dapat dikesan dalam novel sejarah *Tun Tuah*, serta menghuraikan aspek tersebut yang diolah dalam naratif kreatif serta merumuskan kerelevanan wacana hubungan antarabangsa dalam karya kontemporari.

Permasalahan Kajian

Kajian tentang diplomasī dalam kesusasteraan Melayu menunjukkan keperluan yang signifikan bagi menyingkap kebijaksanaan peradaban Melayu silam. Sorotan literatur membuktikan bahawa pengkaji terdahulu telah memberikan sumbangan besar untuk meneliti diplomasī melalui dokumen sejarah seperti warkah lama serta teks klasik seperti *Hikayat Patani* dan *Sulalatus Salatin*. Kajian ini telah mengukuhkan kefahaman tentang cara nilai kepimpinan dan diplomasī diuruskan dalam masyarakat tradisional. Oleh yang demikian, terdapat kelompangan kajian dari segi data kajian, iaitu novel sejarah seperti novel *Tun Tuah* karya Affifudin Omar. Novel ini bukanlah sekadar karya fiksi sejarah semata-mata, sebaliknya merupakan sebuah wadah kreatif yang berpotensi membawa dimensi baharu dalam wacana diplomasī. Tanpa penelitian khusus yang memanfaatkan Teori Diplomasī Islam terhadap novel *Tun Tuah*, nilai-nilai strategik yang disuntik oleh pengarang, sama ada melalui dialog, watak atau adegan yang diwujudkan akan kekal sekadar penghias naratif tanpa diselami kedalaman intelektualnya. Kajian ini diperlukan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis tahap prinsip Teori Diplomasī Islam (agama universal, *tasamuh*, dan hubungan damai) dimanifestasikan dalam sebuah novel sejarah, sekali gus membuktikan bahawa novel sejarah turut berfungsi sebagai jambatan yang menyambungkan tradisi pemikiran diplomatik silam dengan kerangka pemikiran masyarakat kontemporari.

Objektif Kajian

Dengan berdasarkan permasalahan kajian dan kelompangan yang wujud, kajian ini menyasarkan objektif berikut sebagai matlamat kajian, iaitu:

- (1) Mengenal pasti prinsip-prinsip Teori Diplomasi Islam yang digarap dalam naratif novel *Tun Tuah* karya Affifudin Omar.
- (2) Menganalisis manifestasi prinsip-prinsip Teori Diplomasi Islam yang digarap dalam naratif novel *Tun Tuah* karya Affifudin Omar.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang diplomasi dalam kesusasteraan Melayu telah banyak dilaksanakan oleh sarjana terdahulu bagi mencerminkan kebijaksanaan, nilai budaya serta sistem kepemimpinan yang diwarisi masyarakat silam. Melalui wacana diplomasi, karya sastera bukan sahaja berperanan sebagai teks hiburan atau catatan sejarah, tetapi juga sebagai dokumen budaya yang menyimpan maklumat penting tentang cara bangsa Melayu mengurus hubungan politik, sosial dan antarabangsa.

Kajian oleh Hashim Musa et al. (2018) meneliti aspek bahasa dan bingkisan hadiah dalam perutusan surat diplomatik kerajaan Melaka kepada kerajaan Ryukyu. Bersandarkan kepada surat Hang Tuah kepada Raja Ryukyu, kajian ini mendedahkan kebijaksanaan orang Melayu dalam pemilihan kata pujian, gelaran, serta kosa kata yang penuh estetika dan kesopanan, sekali gus memperlihatkan kehalusan budaya diplomasi Melayu. Dapatan ini turut mengukuhkan bukti sejarah tentang kewujudan Hang Tuah melalui beberapa warkah diplomatik bertarikh 1480 hingga 1481.

Kajian oleh Salmah Jan Noor Muhammad dan Che Nuraini Che Puteh (2021) pula memfokuskan warkah diplomatik kerajaan Bima yang dihantar kepada Belanda, dengan meneliti peranan hadiah iringan sebagai mekanisme diplomasi. Berlandaskan Teori Diplomasi Islam oleh Ahmed Musa (2009), kajian kepustakaan ini mendapati bahawa pemberian hadiah merupakan strategi penting bagi mengukuhkan hubungan dua hala. Kajian ini seterusnya memperkaya pengkajian warkah-warkah kesultanan Melayu dan membuka ruang kepada penemuan baharu berkaitan dengan diplomasi Islam dalam konteks warisan Melayu.

Seterusnya, kajian oleh Islahuddina et al. (2021) meneliti strategi diplomasi kerajaan Patani yang terkandung dalam *Hikayat Patani* dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Kajian ini mengenal pasti pelbagai bentuk diplomasi, termasuklah diplomasi politik, peperangan,

perkahwinan, perdagangan, kekuasaan dan keagamaan. Hasilnya, strategi diplomasi tersebut terbukti bertujuan untuk mempertahankan kedaulatan kerajaan Patani serta mencerminkan struktur sosial dan budaya masyarakat pada zaman teks itu dihasilkan.

Sementara itu, kajian oleh Siti Nurkhalida Md Ariff et al. (2024) pula meneliti teknik-teknik diplomasi yang terkandung dalam *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* serta kaitannya dengan pembentukan kepimpinan diplomatik masa kini. Kajian berbentuk kualitatif ini mendapati bahawa diplomasi melalui penghantaran utusan dan pemberian hadiah berfungsi menonjolkan ciri kepemimpinan berwibawa, serta keupayaan pemimpin menyelesaikan konflik berdasarkan konteks tertentu. Dapatan ini memberikan sumbangan penting untuk membentuk pelapis kepimpinan diplomatik dalam kalangan belia demi kestabilan dan keharmonian negara.

Kajian oleh Jasni Matlani et al., (2025) menegaskan bahawa puisi esei masih dianggap sebagai genre baharu dalam persuratan moden yang memperlihatkan ciri kontemporari, namun kedudukannya sebagai wahana penting dalam sastera Melayu serantau masih dalam proses pengukuhan. Penelitian tersebut menyoroti konsep daya tarik tanpa paksaan dalam Kumpulan Puisi Esei *Atas Nama Cinta* karya Denny JA (2012), khususnya dalam puisi Sapu Tangan Fang Yin, dengan menggunakan teori “Kuasa Insani” Joseph Nye (2004). Hasil kajian menunjukkan bahawa karya sastera yang mengangkat tema cinta dan kemanusiaan dapat menjadi medium pengaruh yang memikat tanpa paksaan, selaras dengan gagasan kuasa insani.

Meskipun terdapat banyak kajian yang membicarakan aspek diplomasi dalam karya-karya klasik seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Patani* dan warkah diplomatik, namun penelitian khusus yang menyoroti peranan diplomasi Islam dalam genre novel sejarah adalah terhad, khususnya yang menampilkan tokoh legenda Melayu seperti Tun Tuah. Maka itu, kajian ini hadir untuk mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti bagaimana konsep diplomasi Islam diangkat, dimaknai dan ditafsirkan dalam naratif novel sejarah *Tun Tuah*, serta kerelevanannya terhadap pembinaan pemikiran diplomatik masyarakat kontemporari.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks untuk mengenal pasti dan meneliti mekanisme diplomasi Islam yang digarap dalam novel sejarah *Tun Tuah* karya Affifudin Omar. Pemilihan

kaedah ini adalah bersesuaian dengan sifat kajian yang meneliti teks sastra sebagai dokumen budaya yang sarat dengan nilai, simbol dan wacana pemikiran. Analisis teks membolehkan pengkaji mengupas isi naratif, dialog, perwatakan dan struktur cerita bagi menyingkap nilai diplomasi Islam yang ditonjolkan dalam novel tersebut. Dalam konteks ini, kajian dilaksanakan melalui empat peringkat utama, iaitu (i) pemilihan data; (ii) pengumpulan data; (iii) penganalisan data; dan (iv) rumusan kajian.

Pada peringkat awal, kajian memfokuskan proses pemilihan data yang menitikberatkan pemilihan episod tertentu dalam novel *Tun Tuah* yang berkaitan secara langsung dengan tema diplomasi. Peringkat ini dijalankan melalui pembacaan menyeluruh terhadap novel bertujuan untuk mengenal pasti babak yang menampilkan hubungan diplomatik antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan luar. Episod yang dipilih adalah yang menggambarkan bentuk interaksi seperti perutusan utusan, perundingan, penerimaan hadiah, toleransi antara budaya dengan agama, serta hubungan damai dengan kuasa luar. Antara kisah yang dipilih termasuklah hubungan Melaka dengan Dinasti Ming China, interaksi dengan Majapahit, serta hubungan dengan kerajaan Islam di rantau Arab dan India.

Selepas pemilihan data dibuat, proses pengumpulan data dijalankan melalui teknik pembacaan mendalam (*close reading*) terhadap episod yang telah dikenal pasti. Pada tahap ini, pengkaji mencatat petikan yang berkaitan dengan aspek diplomasi, termasuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi diplomatik, simbol yang tersirat dalam pemberian hadiah, serta tindakan watak yang mencerminkan nilai kepemimpinan dan kebijaksanaan. Petikan ini dikategorikan mengikut tema utama diplomasi Islam untuk memudahkan analisis pada peringkat seterusnya.

Seterusnya pada peringkat penganalisan data pula, analisis data dilakukan dengan berpanduan Teori Diplomasi Islam oleh Wang Yong Bao (Ahmed Musa, 2009), yang menekankan enam prinsip utama, iaitu (i) agama universal; (ii) kebebasan beragama; (iii) keadilan; (iv) kesetaraan dan persamaan; (v) *tasamuh* (toleransi); dan (vi) hubungan damai. Walau bagaimanapun, penelitian ini membataskan tiga prinsip sahaja, iaitu agama universal, *tasamuh* (toleransi) dan hubungan damai. Setiap episod dan petikan yang dikumpulkan ditafsirkan berdasarkan prinsip tersebut untuk menilai sejauh mana naratif novel *Tun Tuah* menggambarkan mekanisme diplomasi Islam. Sebagai contoh, penubuhan madrasah dalam naratif ditafsirkan sebagai manifestasi prinsip agama universal dan kuasa lunak Islam melalui pendidikan, manakala tindakan tokoh seperti Tun Perak yang menolak kezaliman dianalisis dalam kerangka prinsip keadilan dan *tasamuh*.

Peringkat terakhir melibatkan proses merumuskan hasil analisis untuk menghasilkan gambaran menyeluruh tentang mekanisme diplomasi Islam dalam novel sejarah *Tun Tuah*. Bagi memastikan ketelitian metodologi dan kebolehpercayaan kajian, proses ini dilaksanakan melalui tiga langkah sistematik. Pertama, pengkaji akan mengenal pasti dengan mengkategorikan data dalam tema prinsip Teori Diplomasi Islam yang terpilih (agama universal, tasamuh dan hubungan damai). Seterusnya, analisis interpretatif dijalankan dengan menafsirkan petikan teks tersebut dengan kerangka teori bagi melihat kekuatan pengarang mengolah naratif kreatif menjadi wadah hubungan diplomasi dan ketiga, pengkaji melakukan rujukan silang terhadap dapatan teks dengan sumber sejarah yang sebenar bagi memastikan kesahihan tafsiran. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan data dipadankan secara objektif dengan prinsip teori, malah meningkatkan kredibiliti kajian dengan membuktikan bahawa rumusan yang dihasilkan bersifat holistik, sekali gus mengesahkan peranan novel *Tun Tuah* sebagai wahana kreatif yang memelihara kesinambungan tradisi diplomasi Melayu-Islam dalam sastera moden. Pada tahap ini juga, dapatan kajian dibandingkan dengan kerangka teori untuk menilai keselarasan antara prinsip diplomasi Islam dengan gambaran diplomasi dalam novel.

Pemilihan kaedah analisis teks kualitatif adalah signifikan kerana kajian ini meneliti teks sastera, khususnya novel sejarah, bukan sekadar karya fiksiyen, tetapi juga wadah yang memelihara memori sejarah dan mencerminkan pemikiran masyarakat. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat meneliti bukan sahaja makna tersurat dalam teks, tetapi juga makna tersirat yang berhubung dengan nilai budaya, agama dan politik. Oleh itu, metodologi ini diyakini sesuai untuk memahami mekanisme diplomasi Islam yang ingin diketengahkan oleh pengarang dalam novel *Tun Tuah*.

Teori Diplomasi Islam

Wang Yong Bao (atau lebih dikenali sebagai Ahmed Musa) telah mengemukakan Teori Diplomasi Islam yang merangkumi enam prinsip utama, iaitu agama universal, kebebasan beragama, keadilan, kesetaraan dan persamaan, *tasamuh* (toleransi), serta hubungan damai antara negara. Teori ini merupakan hasil penelitian Wang Yong Bao terhadap amalan diplomasi yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda.

Agama universal merujuk Islam sebagai agama *rahmatan lil-‘alamin* yang menyatukan umat manusia tanpa diskriminasi. Secara tidak langsung Islam sebagai agama universal tidak terhad kepada satu golongan atau satu

kawasan tertentu sahaja, sebaliknya Islam telah tersebar ke seluruh dunia dan dianuti pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada kerencaman suku dan kaum. Walau bagaimanapun, turut diberikan penekanan dalam prinsip ini ialah Islam tidak memaksa seseorang yang bukan penganut agamanya untuk mematuhi ajaran Islam, tetapi menuntut umat Islam agar sentiasa mengamalkan hubungan yang baik dengan golongan yang bukan beragama Islam walau di mana sahaja berada.

Prinsip kedua ialah kebebasan beragama. Kebebasan beragama menuntut penerimaan terhadap kepercayaan lain dalam konteks keamanan. Wang Yong Bao (2009) memperincikan bahawa golongan bukan Islam bebas mengamalkan agama masing-masing di negara Islam seperti yang termaktub dalam kitab suci al-Quran. Manusia diberikan hak untuk memilih secara bebas untuk menganuti mana-mana agama. Oleh hal yang demikian, sesiapa sahaja mempunyai pandangan tersendiri dan hatinya terbuka kepada kebenaran, maka beliau bebas untuk memeluk agama Islam dengan penuh rasa kesedaran.

Keadilan pula merupakan prinsip yang ketiga dalam Teori Diplomasi Islam yang dikemukakan oleh Wang Yong Bao (2009). Keadilan menjadi tunjang dalam semua tindakan termasuk hubungan antara negara pada peringkat antarabangsa. Wang Yong Bao (dalam Salmah Jan Noor Muhammad, 2018b) menyatakan bahawa terdapat beberapa perintah oleh Allah SWT yang menjurus kepada perihal keadilan. Perintah yang pertama berkenaan dengan tugas manusia yang harus adil pada diri sendiri dengan menjaga diri mereka dengan sebaik-baiknya daripada kemusnahan atau kebinasaan dan penyakit. Perintah kedua pula mengetahui Allah SWT sebagai pencipta manusia dan Tuhan yang Maha Agung, lalu melakukan kebaikan serta meninggalkan larangan-Nya. Perintah ketiga berkaitan dengan kekeluargaan, yang mana manusia harus bersikap adil kepada keluarga mereka dengan menyediakan keperluan dan memenuhi hak-hak ahli keluarganya.

Prinsip keempat yang dikemukakan ialah kesetaraan dan persamaan mengiktiraf hak dan martabat semua bangsa. Menerusi prinsip ini, Wang Yong bao (2009) memperincikan Allah SWT yang menjadikan manusia berbeza bangsa dan kaum supaya mereka mengenali antara satu sama lain melalui perbezaan karakter mereka dan mewujudkan hubungan yang baik tanpa mendominasi mana-mana pihak. Prinsip ini menegaskan bahawa perbezaan etnik, budaya dan latar belakang bukanlah alasan untuk mewujudkan diskriminasi, sebaliknya menjadi asas kepada kerjasama dan persefahaman dalam masyarakat. Selain itu, pengiktirafan terhadap

kesetaraan manusia dapat memupuk sikap saling menghormati, toleransi dan keadilan sosial yang penting bagi mengekalkan keharmonian kehidupan bermasyarakat.

Seterusnya ialah prinsip *tasamuh* yang bermaksud toleransi budaya dan kepercayaan, Menerusi ajaran Islam, Allah SWT memerintahkan umat Islam menunjukkan sikap toleransi kepada pihak bukan Islam, walaupun mereka merupakan musuh umat Islam dan sentiasa menyiksa kaum Muslimin. Hal ini diperkukuhkan dengan peristiwa yang berlaku dalam sejarah Islam yang tidak memudaratkan musuh, malah menjadi undang-undang awam dalam syariat Islam. Contoh sikap toleransi terhadap musuh yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW ialah ketika Perang Uhud, Baginda tidak membalas dendam terhadap musuh yang telah mencederakan baginda, sebaliknya memaafkan mereka.

Hubungan damai dengan negara lain menjadi matlamat akhir yang diperkenalkan dalam Teori Diplomasi Islam. Wang Yong Bao (2009) memerihalkan dua pendekatan bagi menyampaikan ajaran Islam, iaitu dengan menggunakan lidah dan pedang. Sekiranya seruan untuk memeluk Islam telah disampaikan secara aman, tetapi mereka (golongan Musyrikin) menolak, maka umat Islam boleh mengisytiharkan perang. Berdasarkan pertimbangan tersebut, dunia terbahagi kepada dua, iaitu wilayah Islam yakni kawasan masyarakat Islam yang bebas mengamalkan kehendak Islam, malah selamat tinggal di kawasan tersebut. Wilayah yang kedua pula ialah kawasan bukan Islam yang bermusuhan dengan orang Islam, malah berbahaya dan menggugat keselamatan mereka (Salmah Jan Noor Muhammad, 2018b).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Agama Universal

Menurut Teori Diplomasi Islam cetusan Wang Yong Bao, prinsip Agama Universal menekankan bahawa Islam bersifat *rahmatan lil-‘alamin*, yakni inklusif, merentas sempadan etnik, dan tidak bersifat diskriminatif untuk menyampaikan kebaikan. Dalam konteks diplomasi, prinsip ini menuntut agar hubungan luar dibina atas dasar kemanusiaan sejagat, yang mana ilmu dan kebaikan disebarkan tanpa paksaan.

Konsep Islam sebagai agama universal dalam novel *Tun Tuah* terserlah melalui penubuhan sebuah madrasah yang bersifat terbuka kepada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira asal usul dan latar belakang budaya. Naratif novel memperlihatkan suasana pembelajaran yang inklusif dan dinamik, yang menggambarkan Melaka bukan sekadar sebuah pusat

perdagangan yang makmur, tetapi juga pusat ilmu dan intelektual yang disegani. Melaka ialah sebuah pelabuhan antarabangsa yang penting dan berperanan sebagai pusat utama perdagangan global. Di samping itu, pelabuhan Melaka turut menjadi lokasi penyebaran agama Islam yang paling berpengaruh di rantau Alam Melayu, sekali gus melahirkan ramai penganut Islam dari pelbagai benua (Syaimak Ismail et al., 2021).

Dengan kewujudan madrasah tersebut, Melaka bukan sahaja menampilkan diri sebagai kuasa politik dan ekonomi yang besar di rantau Nusantara, malah muncul sebagai pusat peradaban Islam yang mendapat perhatian dunia Islam yang lebih luas, termasuk dari Timur Tengah, India, dan China. (Affifudin Omar, 2016)

Madrasah ini digambarkan sebagai institusi pendidikan yang memainkan peranan besar dalam pembentukan sahsiah masyarakat. Madrasah ini bukan sekadar tempat mendalami ilmu agama seperti fiqh, tauhid atau tafsir al-Quran, tetapi turut menawarkan ilmu duniawi yang merangkumi bidang falsafah, sains, perdagangan dan kemasyarakatan (Affifudin Omar, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa Islam di Melaka dilihat sebagai sebuah sistem hidup yang menyeluruh (*syumul*), yang tidak membataskan diri pada aspek ibadah sebagai amalan ritual semata-mata, sebaliknya menggalakkan perkembangan akal, ilmu dan tamadun.

Lebih menarik lagi, madrasah dalam novel ini tidak hanya menampung pelajar dari tanah jajahan Melaka, malah turut menerima pelajar dari pelbagai wilayah luar. Naratif novel menekankan bagaimana anak-anak muda dari pelbagai bangsa dan budaya datang menimba ilmu di Melaka, menjadikan bandar itu sebuah titik pertembungan tamadun. Kehadiran guru-guru dari Parsi, Arab, India dan China memperlihatkan keterbukaan Kerajaan Melaka terhadap aliran ilmu dari luar. Situasi ini sekali gus mencerminkan bahawa Islam di Melaka tidak bersifat eksklusif, tidak menutup diri daripada pengaruh asing, dan tidak menolak kepelbagaian budaya. Sebaliknya, Islam di Melaka memberikan ruang terhadap proses integrasi ilmu dan tamadun, yang mana ilmu dari pelbagai peradaban diserap, disesuaikan dan dimanfaatkan untuk kepentingan masyarakat.

Paparan dalam naratif ini memperlihatkan nilai Islam sebagai agama universal yang bersifat *rahmatan lil-'alamin*, iaitu rahmat bagi sekalian alam. Dalam erti kata lain, Islam di Melaka digambarkan sebagai agama yang menerima perbezaan, meraikan kepelbagaian, dan menghormati ilmu pengetahuan tanpa mengira dari mana asalnya. Hal ini bertepatan dengan pandangan sarjana Islam bahawa menuntut ilmu merupakan kewajipan

umat Islam sepanjang hayat, dan ilmu tidak terbatas kepada sempadan geografi atau bangsa tertentu. Oleh itu, madrasah dalam novel *Tun Tuah* menjadi simbol keterbukaan Islam di Melaka terhadap dunia luar. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut (Affifudin Omar, 2016: 87):

Di perkampungan mereka didirikan juga sebuah madrasah yang mengajar ilmu akhirat dan ilmu dunia kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar di situ. Maka banyaklah murid-murid dari seluruh pelusuk Melaka dan tanah-tanah jajahannya datang belajar. Mualim-mualim yang datang mengajar di madrasah itu pun berasal dari beberapa negara yang bertamadun tinggi seperti Parsi, Arab, India dan Cina. Guru-guru dari Alam Melayu pun banyak juga yang mengajar ilmu di situ.

Petikan ini secara tidak langsung memperlihatkan peranan madrasah juga boleh difahami sebagai salah satu bentuk mekanisme diplomasi berasaskan kuasa lunak yakni keupayaan mempengaruhi pihak lain tanpa kaedah yang memaksa atau menggunakan kekuatan fizikal (Mohd Hazizi Ab Rahman et al., 2024). Penerapan prinsip Agama Universal sebagaimana yang digariskan oleh Wang Yong Bao (2009) dapat dilihat secara jelas melalui gambaran madrasah dalam novel *Tun Tuah*. Menurut Wang Yong Bao, prinsip ini menegaskan bahawa Islam sebagai agama *rahmatan lil-'alamin* tidak terikat kepada sempadan geografi mahupun etnik, sebaliknya menuntut umat Islam untuk membina hubungan yang inklusif dengan seluruh lapisan manusia tanpa diskriminasi. Dalam novel ini, penubuhan madrasah yang menerima murid daripada pelbagai wilayah seperti Parsi, Arab, India, dan China merupakan manifestasi nyata kepada pandangan Wang Yong Bao bahawa Islam di Melaka berperanan sebagai titik pertemuan tamadun yang tidak bersifat eksklusif.

Naratif ini memperlihatkan bahawa pendidikan dijadikan instrumen diplomasi kerana melampaui sempadan perkauman dan geografi, selaras dengan semangat Islam sebagai agama universal yang mengutamakan ilmu sebagai jambatan persefahaman. Apabila pelajar dari pelbagai latar belakang budaya ini kembali ke tanah air masing-masing, mereka bukan sahaja membawa pulang pengetahuan, malah menjadi ejen penyebaran reputasi Melaka sebagai pusat peradaban yang rahmah. Hal ini memperkukuh hujah bahawa kekuatan Melaka bukanlah terletak pada kekuatan ketenteraan yang memaksa, tetapi pada keupayaannya mempraktikkan prinsip agama universal yang menghormati kemanusiaan secara saksama. Sepertimana yang dinyatakan oleh Mohd Haniff Mohammad Yusoff et al., (2021), elemen pendidikan merupakan acuan penting dalam pembangunan Negara. Dalam

konteks ini, secara langsung membuktikan bahawa prinsip universalisme Islam dioperasikan sebagai mekanisme diplomasi menerusi kuasa lunak yang berkesan untuk membina jaringan kepercayaan antarabangsa.

Konsep kuasa lunak ini sangat relevan jika dibandingkan dengan misi diplomasi budaya moden, yang mana sesebuah negara mempromosikan pengaruhnya melalui budaya, ilmu dan nilai kemanusiaan. Dalam konteks kontemporari, peranan universiti, institut penyelidikan dan pertukaran ahli akademik sering diamalkan untuk memperkukuh hubungan antarabangsa. Maka itu, madrasah yang dibina di Melaka dalam novel *Tun Tuah* boleh dianggap sebagai manifestasi awal kepada konsep ini, yang menjadikan pendidikan sebagai jambatan antara bangsa dengan medium penyebaran pengaruh yang berkesan.

Selain itu, watak seperti Tun Tuah dan para ulama yang digambarkan dalam novel menambahkan lagi nilai simbolik madrasah sebagai pusat intelektual dan diplomatik. Tun Tuah misalnya digambarkan bukan sahaja sebagai pahlawan yang gagah di medan perang, tetapi juga sebagai tokoh yang berpengetahuan luas, memahami adat budaya luar, dan memiliki kebijaksanaan dalam perundingan. Para ulama pula digambarkan sebagai golongan berilmu yang merendah diri, tidak hanya menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk akhlak pelajar. Watak-watak ini memberikan gambaran bahawa kepimpinan Islam yang ideal ialah kepimpinan yang berteraskan ilmu, adab dan hikmah.

Naratif madrasah dalam novel juga memperlihatkan bahawa Islam di Melaka menjadikan pendidikan sebagai asas kepada pembinaan sebuah masyarakat yang bertamadun. Dengan adanya pusat ilmu yang menarik perhatian ramai, Melaka membuktikan kerajaan ini bukan sekadar sebuah empayar perdagangan yang kaya, tetapi juga sebuah kerajaan yang berperadaban tinggi. Hal ini menggambarkan keseimbangan antara aspek duniawi dengan ukhrawi, dan antara kekuatan ekonomi dengan kekuatan intelektual, yang menjadikan Melaka sebuah kerajaan yang dihormati.

Secara keseluruhan, penubuhan madrasah dalam novel *Tun Tuah* memperlihatkan Islam sebagai agama universal yang inklusif, terbuka dan bersifat global. Madrasah itu menjadi lambang bahawa Islam di Melaka meraikan kepelbagaian ilmu, budaya dan tamadun, bahkan turut membuktikan bahawa pendidikan adalah satu daripada mekanisme diplomasi yang paling berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui ilmu, sebuah kerajaan dapat membina pengaruh dan meninggalkan kesan mendalam kepada dunia luar. Dalam kerangka ini, novel *Tun Tuah* bukan

sahaja menghidupkan kembali sejarah dan tradisi, tetapi juga menawarkan renungan kritis tentang peranan pendidikan dan Islam sebagai kuasa universal bagi membentuk tamadun dan hubungan antarabangsa.

***Tasamuh* (toleransi)**

Menurut Wang Yong Bao (2009), prinsip *tasamuh* atau toleransi dalam diplomasi Islam bukan sekadar difahami sebagai sikap bertoleransi secara pasif atau membiarkan perbezaan, sebaliknya merupakan suatu prinsip etika Islam yang aktif bagi menegakkan keseimbangan antara kuasa, keadilan dan kemanusiaan. Dalam kerangka teori ini, *tasamuh* menuntut pengamalannya untuk memiliki keberanian moral untuk mengurus konflik dan perbezaan, serta meletakkan prinsip kebenaran dan nilai sejagat sebagai asas tindakan, meskipun berdepan dengan tekanan autoriti. Prinsip *tasamuh* yang digariskan oleh Wang Yong Bao ini diaplikasikan dengan jelas dalam novel *Tun Tuah*, bukan sahaja melalui dialog dan tindakan individu seperti Tun Perak, tetapi juga diterapkan secara menyeluruh dalam struktur masyarakat Melaka yang digambarkan dalam teks. Hal ini dapat ditelusuri melalui adegan penting ketika Sultan menitahkan agar Tun Perak membunuh Tun Tuah kerana difitnah melakukan pengkhianatan. Walaupun perintah itu datang daripada seorang raja yang memiliki autoriti tertinggi, Tun Perak tetap berpegang teguh pada prinsip keadilan yang tidak membenarkan sebarang bentuk kezaliman. Dalam adegan tersebut, Tun Perak dengan tegas menolak titah Sultan dengan mengungkapkan (Affifudin Omar, 2016: 212):

“Wahai Tuah! Demi Allah yang lebih berkuasa daripada Sultan, tidak akan kujalankan perintah itu. Biarlah aku derhaka kepada pemerintah Sultan, tetapi tidak melakukan kezaliman terhadapmu. Semoga Allah bersamaku!”

Ungkapan ini menjadi titik penting untuk memahami makna *tasamuh* sebagai prinsip moral yang mendasari tindakan politik dan sosial masyarakat Melayu-Islam. Tindakan Tun Perak tidak bermaksud menolak ketaatan kepada Sultan, tetapi memperlihatkan keberanian moral untuk menegakkan prinsip keadilan yang lebih tinggi daripada autoriti manusia. Dalam Islam, kepatuhan kepada pemerintah adalah wajib selagi pemerintah itu tidak memerintahkan kezaliman. Oleh itu, penolakan Tun Perak bukanlah satu bentuk penderhakaan dalam erti kata mutlak, sebaliknya manifestasi bahawa keadilan adalah nilai tertinggi yang mengatasi kepentingan politik.

Prinsip *tasamuh* ini juga mempunyai implikasi yang besar dalam konteks diplomasi dan hubungan antarabangsa. Kerajaan yang adil dan

berteraskan prinsip *tasamuh* tidak akan tunduk kepada desakan kuasa semata-mata, sebaliknya akan memastikan setiap keputusan berpandukan etika dan nilai kemanusiaan. Dalam dunia diplomasi, hal ini bermakna bahawa sesebuah kerajaan tidak boleh mengorbankan prinsip keadilan demi keuntungan politik jangka pendek (Sharp, 2009). Sebaliknya, *tasamuh* menuntut kerajaan mengekalkan kesaksamaan, berunding secara terbuka, dan mengelakkan penindasan untuk menyelesaikan konflik. Hal ini membentuk gambaran bahawa kerajaan Melayu-Islam seperti Melaka bukan sahaja berkuasa dari segi ketenteraan dan ekonomi, tetapi juga berwibawa dari segi moral dan etika.

Dalam teks kajian, sifat *tasamuh* ini tidak hanya muncul melalui naratif perdagangan, tetapi juga melalui sikap tokoh-tokoh penting. Watak Tun Perak yang menolak perintah Sultan untuk membunuh Tun Tuah atas alasan moral dan agama menjadi simbol kepemimpinan Islam yang berani menegakkan kebenaran walaupun berhadapan risiko politik (Affifudin Omar, 2016). Beliau tidak tunduk kepada kezaliman semata-mata kerana perintah itu datang daripada seorang raja. Sebaliknya, beliau mengutamakan prinsip kemanusiaan dan kesaksamaan yang diajarkan oleh Islam. Hal ini menunjukkan bahawa *tasamuh* bukanlah satu bentuk toleransi pasif, tetapi suatu keberanian moral untuk menolak ketidakadilan walaupun dari pihak berkuasa.

Lebih menarik, prinsip *tasamuh* dalam novel ini menghubungkan idea keadilan dengan keberlangsungan sesebuah kerajaan. Novel ini secara naratif menyarankan bahawa kerajaan yang stabil bukanlah kerajaan yang hanya bergantung pada kekuatan ketenteraan atau kekayaan ekonomi, tetapi kerajaan yang mampu menerima perbezaan, mengurus konflik secara berunding, serta mengelakkan kezaliman walaupun mempunyai kuasa mutlak. Hal ini seiring dengan ajaran Islam bahawa pemerintah ialah pemegang amanah, bukan pemilik mutlak kuasa. Oleh itu, *tasamuh* bukan sahaja menjamin keharmonian masyarakat, tetapi juga menjadi asas kepada legitimasi politik.

Selain itu, penerapan *tasamuh* dalam struktur masyarakat Melaka dapat dilihat sebagai cerminan cita-cita politik Islam yang universal (Ahmad Jelani Halimi, 2008). Melaka sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam di rantau Nusantara menjadi contoh bahawa nilai *tasamuh* berfungsi sebagai asas kepada perhubungan antarabangsa. Dengan menerima kehadiran pedagang daripada pelbagai agama, Melaka sebenarnya sedang mempraktikkan prinsip Islam yang menekankan keadilan kepada semua manusia tanpa mengira latar belakang. Hal ini juga berfungsi sebagai

mekanisme diplomasi yang memperkuat kedudukan Melaka sebagai pusat kuasa yang dihormati, bukan sahaja kerana kekuatannya, tetapi juga kerana keadilannya.

Pada hakikatnya, prinsip *tasamuh* dalam novel *Tun Tuah* bukan sahaja terletak pada tindakan individu seperti Tun Perak yang berpegang teguh pada keadilan walaupun berdepan dengan tekanan politik, tetapi juga merangkumi struktur sosial, budaya dan diplomasi yang digambarkan dalam naratif. *Tasamuh* diangkat sebagai nilai teras yang membentuk identiti masyarakat Melaka sebagai sebuah nilai yang menuntut keberanian moral, keterbukaan kepada perbezaan, serta keengganan tunduk kepada kezaliman. Novel ini secara halus menyampaikan bahawa kekuatan sesebuah kerajaan bukan hanya pada aspek material semata-mata, tetapi pada prinsip etika yang dipegang. Maka itu, *tasamuh* bukan sahaja membina keharmonian masyarakat, tetapi juga menjadi asas legitimasi dan kelestarian politik sebuah kerajaan Islam.

Hubungan Damai antara Negara

Hubungan damai merupakan teras penting dalam diplomasi Islam seperti yang diungkapkan dalam Teori Diplomasi Islam. Prinsip ini menekankan bahawa tujuan diplomasi bukanlah untuk memperluas kuasa secara paksa atau menundukkan pihak lain, tetapi untuk mencari titik persefahaman, membina jaringan kerjasama, serta mengelakkan konflik yang merugikan semua pihak. Dalam Islam, damai bukanlah tanda kelemahan, tetapi strategi berasaskan hikmah yang membawa kepada kelangsungan politik, kestabilan sosial dan kemajuan ekonomi (Wang Yong Bao, 2009).

Dalam novel *Tun Tuah*, hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan luar digambarkan bukan sebagai hubungan dominasi, tetapi kerjasama strategik yang saling menghormati dan membina. Melaka, yang muncul sebagai sebuah empayar maritim terkemuka pada abad ke-15, menjadi pusat diplomasi serantau kerana keupayaannya mengamalkan prinsip damai dalam perhubungan antarabangsa. Melaka tidak menundukkan pihak luar melalui kekerasan, sebaliknya melalui daya tarikan reputasi, kestabilan dan kecekapan pentadbiran.

Antara contoh penting dalam teks termasuklah kunjungan Raden Wira Nantaka daripada Kerajaan Jawa ke Melaka untuk mempelajari sistem pentadbiran pelabuhan. Hal ini merupakan bentuk diplomasi pengetahuan yang memperlihatkan bahawa kekuatan Melaka bukan sahaja diukur dari aspek ketenteraan, tetapi juga dari aspek keupayaan menjadi pusat rujukan dalam hal pentadbiran, ekonomi dan pengurusan pelabuhan. Hal ini diperihalkan dalam novel seperti cuplikan berikut (Affifudin Omar, 2016: 43):

“Bendahara Seri Amar Diraja menerima utusan dari Jawa menyatakan bahawa Raden Wira Nantaka ingin berkunjung ke Melaka dan memohon berada di Melaka selama satu tahun untuk mempelajari selok-belok pentadbiran dan pengurusan sebuah pelabuhan bertaraf dunia.”

Peristiwa ini menggambarkan bahawa kerajaan luar mengiktiraf keunggulan Melaka secara sukarela. Tidak ada unsur paksaan atau ancaman kuasa yang memaksa Jawa menghantar wakilnya, sebaliknya kerana daya tarikan keilmuan dan reputasi Melaka itu sendiri. Hal ini sesuai dengan prinsip diplomasi Islam yang menekankan pengaruh moral dan reputasi sebagai sumber kekuatan berbanding dengan dominasi ketenteraan semata-mata.

Selain hubungan dengan Jawa, novel ini turut menekankan hubungan diplomasi Melaka dengan Dinasti Ming di China. Pelayaran Laksamana Cheng Ho, seorang tokoh besar dari Dinasti Ming, ke Melaka bukan sahaja memperlihatkan hubungan dagang, tetapi juga hubungan diplomatik yang berpaksikan penghormatan antara dua tamadun besar. Melaka tidak dianggap sebagai wilayah bawahan, tetapi sebagai sekutu strategik. Hal ini membuktikan bahawa diplomasi damai Melaka dengan negara-negara lain diiktiraf oleh kuasa besar dunia. Hal ini dapat dihubungkan seperti dalam petikan berikut yang terkandung dalam novel *Tun Tuah* (Affudin Omar, 2016:67:

“Pada tahun 1445 Laksamana Cheng Ho telah membuat pelayaran pertama ke Alam Melayu, termasuk Melaka. Pada masa itu Melaka sedang pesat membangun, di bawah pemerintahan Sultan Muzafar Syah.”

Hubungan ini menandakan bahawa Melaka telah diiktiraf sebagai sekutu yang penting dalam jaringan diplomasi Asia. Hubungan antara Melaka dengan Dinasti Ming menjadi lambang kemuncak kejayaan diplomasi damai Melaka, yang mana tidak ada unsur penjajahan atau pemaksaan dalam interaksi tersebut. Sebaliknya, kedua-dua pihak menjalin hubungan berdasarkan prinsip hormat-menghormati, pengiktirafan bersama, dan pertukaran budaya yang seimbang.

Sesuatu yang lebih signifikan ialah hubungan ini juga mencerminkan bahawa Islam, dalam kerangka diplomasi, tidak anti kepada kuasa luar, bahkan terbuka kepada kerjasama asalkan mendatangkan manfaat bersama dan tidak melanggar prinsip keadilan. Melalui pembinaan hubungan setara dengan China, Melaka menunjukkan bahawa diplomasi damai bukan sekadar strategi, tetapi satu tuntutan agama.

Hubungan damai yang terjalin membawa kesan langsung kepada perkembangan ekonomi dan sosial Melaka. Keselamatan yang dijamin melalui diplomasi membolehkan perdagangan berkembang dengan pesat. Pedagang dari Arab, Parsi, India, China dan Eropah memilih Melaka sebagai pelabuhan utama kerana mereka yakin akan keamanan dan kestabilannya. Di samping itu, madrasah dan pusat pengajian Islam turut makmur kerana keadaan damai memberikan ruang kepada perkembangan ilmu. Perihal ini membentuk masyarakat Melaka yang bukan sahaja maju dari segi material, tetapi juga kaya dari segi intelektual dan rohani.

Kestabilan yang lahir daripada diplomasi damai turut menjadikan Melaka sebagai model masyarakat kosmopolitan. Penduduk daripada pelbagai bangsa dan agama hidup berdampingan secara aman, menghormati adat masing-masing, sambil berkongsi ruang ekonomi dan budaya. Situasi ini memperlihatkan bahawa prinsip damai Islam mampu membentuk masyarakat madani yang seimbang dan harmoni. Dalam erti kata lain, damai bukan sahaja menjadi prinsip hubungan luar, tetapi juga terjelma dalam struktur sosial dan budaya dalaman.

Jelasnya, hubungan damai dalam novel *Tun Tuah* merupakan inti pati terhadap pemahaman tentang diplomasi Islam. Melaka tidak membina reputasi melalui penaklukan, tetapi melalui kerjasama strategik yang berteraskan hormat-menghormati, keadilan dan pertukaran ilmu. Hubungan dengan Jawa dalam bentuk diplomasi pengetahuan dan hubungan dengan Dinasti Ming melalui pelayaran Cheng Ho, menjadi contoh nyata untuk mempraktikkan diplomasi damai. Naratif ini bukan sahaja mengangkat Melaka sebagai empayar maritim yang hebat, tetapi juga sebagai pusat tamadun diplomatik yang berlandaskan Islam. Melaka menjadi bukti bahawa keamanan merupakan asas kemajuan, dan prinsip damai adalah kekuatan sebenar yang menjadikan sebuah kerajaan dihormati dan dikenang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, novel *Tun Tuah* begitu menyerlah dengan nilai diplomasi Islam yang tetap relevan dan signifikan dalam konteks globalisasi hari ini. Prinsip utama dalam Teori Diplomasi Islam yang dianjurkan Wang Yong Bao (2009) seperti Islam sebagai agama universal, konsep *tasamuh* atau toleransi, serta keutamaan hubungan damai antara negara bukan sahaja digambarkan melalui tindakan dan ucapan watak-watak utama seperti Tun Tuah, Tun Perak dan Sultan Melaka, tetapi juga dihidupkan secara naratif melalui susunan peristiwa, perbualan diplomatik, serta struktur masyarakat Melaka yang digambarkan dalam teks. Analisis terhadap elemen agama universal, *tasamuh* dan hubungan damai telah berjaya merungkai objektif

kajian dengan membuktikan bahawa prinsip Teori Diplomasi Islam yang dikemukakan oleh Wang Yong Bao (Ahmed Musa) bukan sekadar kerangka teoretikal, tetapi menjadi wadah analisis yang efektif untuk menterjemahkan naratif fiksi sebagai wacana hubungan antarabangsa yang beretika. Hubungan sistematik antara objektif kajian dengan dapatan analisis ini menunjukkan bahawa novel sejarah mampu menjadi jambatan intelektual yang menghubungkan kebijaksanaan tradisi Melayu-Islam dengan realiti geopolitik kontemporari. Selain itu, menerusi pendekatan ini, pengarang bukan sekadar menulis sebuah karya sejarah atau epik kepahlawanan, tetapi turut mengangkat semula nilai-nilai ketamadunan Islam dalam wacana sastera moden. Nilai tersebut berfungsi sebagai cerminan etika politik, sosial dan budaya yang mampu membentuk cara fikir masyarakat masa kini bagi menghadapi cabaran global yang penuh dengan konflik, pertembungan ideologi dan krisis kemanusiaan.

Implikasi kajian ini amat signifikan kerana mengiktiraf kesusasteraan bukan sekadar medium hiburan, tetapi sebagai dokumen pemikiran diplomatik yang menawarkan alternatif kepada politik sebenar yang bersifat konvensional dengan mengutamakan nilai keadilan dan kemanusiaan. Seterusnya, bagi penyelidikan lanjutan, disarankan supaya kajian lanjutan bersifat interdisiplin diperluas dengan melakukan penelitian perbandingan antara novel *Tun Tuah* dengan karya sastera sejarah serantau yang lain seperti teks historiografi klasik atau novel sejarah kontemporari. Pendekatan perbandingan ini amat penting untuk memetakan kesepaduan nilai diplomasi Islam dalam tradisi sastera Melayu secara lebih holistik dan kritikal. Langkah ini bukan sahaja akan memperkukuh kedudukan Teori Diplomasi Islam sebagai wadah analisis sastera, malah menyediakan asas empirikal yang lebih mantap bagi merangka model hubungan antarabangsa yang berperikemanusiaan, adil dan berteraskan nilai Islam dalam dunia kontemporari.

Penggunaan teks kreatif seperti *Tun Tuah* sebagai wadah penyampaian nilai sejagat membuktikan bahawa karya sastera tidak hanya berperanan sebagai hiburan atau rekod sejarah, tetapi sebagai sumber alternatif untuk memahami konsep diplomasi, etika kepimpinan dan peradaban. Dalam dunia yang semakin kompleks, berpecah dan sarat dengan pelbagai isu geopolitik, pengajaran yang terkandung dalam teks seperti *Tun Tuah* boleh dijadikan asas rujukan bagi membentuk corak hubungan diplomatik yang lebih berperikemanusiaan, adil dan berteraskan nilai Islam. Oleh itu, sumbangan novel ini bukan sahaja bersifat kesusasteraan, tetapi juga menyentuh dimensi global yang lebih luas dan menjadikannya relevan untuk kajian akademik serta praktis dalam dunia kontemporari.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia dan Universiti Putra Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Haniff Mohammad Yusoff: Pengumpulan data, analisis deskriptif, penyuntingan bahasa, penulisan makalah; Muhammad Hafeez Zakaria: Penelitian kajian lepas dan semakan akhir secara tuntas.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebagai konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Affifudin Omar. (2016). *Tun Tuah: Wira dan diplomat terbilang*. Afif Books Sdn. Bhd.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan tamadun bangsa Melayu*. Utusan Publications & Distributors.
- Baldick, C. (1990). *The concise oxford dictionary of literary terms*. Oxford University Press.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, & Salmah Jan Noor Muhammad. (2018). Surat Hang Tuah kepada Raja Ryukyu: Kebijaksanaan ilmu diplomasi Melayu tradisional. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 162–190.
- Islahuddina, Ku-Ares Tawandorlohb, & Sumaiyah Menjamin. (2021). Diplomatic strategies of the Patani kingdom in Hikayat Patani: a sociology of literature study. *BAHAstra: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 41(2), 172–181.
- Jasni Matlani, Hashim Ismail, & Nurhamizah Hashim. (2025). Daya tarikan tanpa paksaan dalam puisi esei Sapu Tangan Fang Yin oleh Denny Ja. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 12(1), 55–70.

- Lokman Abdul Samad. (2001). *Hikayat Hang Tuah: Suatu pembicaraan karya agung dari pelbagai aspek*. Universiti Malaysia Sabah.
- Lukacs, G. (1965). *The historical novel*. Merlin Press.
- Mohd Fauzi Yaacob. (2009). *Malaysia: Transformasi dan perubahan sosial*. Arah Publications.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali, & Phat a/l Awang Deng. (2020). Hipoteks sebagai idea penggaluran naratif dalam novel berunsur sejarah Tun Tuah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 97–107. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.8.2020>
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali, & Phat Awang Deng. (2021). Menelusuri novel berunsur sejarah Nama Beta Sultan Alauddin: Pembinaan karakter seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 8(1), 138–147.
- Mohd Hazizi Ab Rahman, Wan Zulkifli Wan Hassan, & Shamsul Azhar Yahya. (2024). Kedudukan tahap kuasa dalam pensyariaan Islam. *Jurnal Kajian Islam dan Turath Antara-Bidang*, 1(2), 14–31. <https://doi.org/10.51200/kitab.v1i2.5995>
- Mohd Khalil Yaakob, & Syaimak Ismail. (2017). Hubungan diplomatik Melaka-China pada abad ke-15 dan kesinambungan kerjasama Melaka-China abad ke-21. *Jurnal Sains Sosial*, 2, 130–143.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). Kerencanan hubungan diplomatik Kesultanan Melayu Melaka, Johor dan Aceh. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 25, 107–136. <https://doi.org/10.51200/manu.v25i.764>
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018a). Implikasi hubungan diplomatik terhadap kerajaan Melaka dan Kedah berdasarkan naskhah Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(2), 99–108. <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-08>
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018b). *Ilmu diplomatik Melayu dalam kesusasteraan Melayu tradisional*. Penerbit UPM.
- Salmah Jan Noor Muhammad, & Che Nuraini Che Puteh. (2021). Mekanisme pemberian hadiah sebagai pengeras hubungan diplomatik dalam warkah kesultanan Melayu Bima kepada Belanda. *Malay Literature*, 34(1), 21–42. [https://doi.org/10.37052/ml34\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/ml34(1)no2)
- Syaimak Ismail, Muhammad Saiful Islam Ismail, Muhammad Anas Ibrahim, & Mohd Khairi Ismail. (2021). Kegemilangan Islam Melaka di bawah dua generasi pemerintah (1445-1447). *Jurnal Melayu*, 20(1), 159–178.
- Sharp, P. (2009). *Diplomatic theory of international relations*. Cambridge University Press.
- Siti Hawa Salleh. (2009). *Kelopak pemikiran sastera Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Nurkhalida Md Ariff, Phat Awang Deng, & Yusniza Yaakub. (2024). Kepimpinan diplomatik dalam masyarakat melalui teknik diplomasi: Analisis

Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu. Malay Literature, 37(1), 159–178. [https://doi.org/10.37052/ml37\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/ml37(1)no7)

- Siti Nurul Izza Hashim, Nor Azlina Abd Wahab, Wan Hasmat Wan Hasan, Norajila Che Man, & Mohd. Faizal P. Rameli. (2021). Warisan dan perlestarian ekonomi maritim era kontemporari. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(1), 1–13.
- Wang Yong Boa (Ahmed Musa). (2009). *Diplomacy: Theory and practice in Islam*. IIUM Press.